

TARIKH	13 / 7 / 2015	SEKSYEN	Pendidikan
MUKA SURAT	15	RUANGAN	



Oleh Abnor Hamizam
Abd Manap
upene@bh.com.my

► Tampin

Sisipan *Minda* terbitan *BH* pada setiap Selasa wajar dijadikan bahan rujukan tambahan untuk membantu memantapkan pendedahan calon menghadapi Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3). Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Gemenech, Mohd Isam Mohd Isa, berkata sisipan pendidikan itu amat bermanfaat kepada pelajar kerana mengandungi bimbingan lengkap untuk semua mata pelajaran peperiksaan berkenaan. Beliau berkata, penggunaan sisipan *Minda* juga antara kaedah pembelajaran yang mudah dan murah, tetapi berkesan kerana mengandungi latihan serta nota penting. "Dalam senario pendidikan semakin mencabar, pelajar perlu menggunakan pelbagai sumber sahuk untuk mendapatkan ilmu, termasuk menerusi sisipan *Minda* yang sangat sesuai dijadikan bahan rujukan mulai

Manfaatkan sisipan pendidikan BH

» Pelajar wajar guna *Minda* sebagai bahan rujukan tambahan PT3

Tingkatan Satu," katanya. Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas merasmikan Majlis Penutupan Seminar Bimbingan Peperiksaan PT3 2015 anjuran Tabung Haji (TH) dengan kerjasama *BH* di Maahad Ahmadi dekat sini, Negeri Sembilan, baru-baru ini.

Tanggungjawab sosial
Yang turut hadir ialah Timbalan Pengarah TH Negeri Sembilan, Zurita Ahmad Rafie; Pengetua Maahad Ahmadi, Abdul Rahim Maamor; dan Pengarang Pendidikan *BH*, Fadzlena Jafar. Sementara itu, Zurita pula berkata, penganjuran seminar berkenaan adalah antara komitmen TH untuk terus melaksanakan program tanggungjawab sosial bagi golongan pelajar, khususnya ahli Kelab TaHa.

Beliau berkata, seminar bimbingan peperiksaan itu membolehkan peserta mempelajari teknik menjawab soalan PT3 dengan tepat dan berkesan, sekaligus dimanfaatkan sebaik mungkin serta dikongsi bersama-sama rakan lain di sekolah.

Pelajar Sekolah Menengah Agama Sains Kuala Pilah, Nursyarah Humaira Shahrudin, berkata pengisian seminar berkenaan amat menarik dan mampu menyumbang kepada kecermatan calon PT3.

Elak kسلطان
"Penekanan turut diberikan kepada kepentingan mengelakkan kسلطان yang boleh menjejaskan markah. Tunjuk ajar penceramah membantu mengenal pasti dan mengatasi kelemahan peserta dalam subjek," katanya.

Peserta lain dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Jelai (FELDA), Muhammad Hasrul Yaacob, 15, berkata seminar itu menyuntik banyak pengetahuan baharu, terutama dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris. "Saya harus menguasai bahasa antarabangsa itu demi mencapai cita-cita menjadi jurutera Terntara Udara Diraja Malaysia (TUDM) kelak," katanya.

Seminar PT3 *BH Minda* adalah sebahagian daripada program bimbingan peperiksaan anjuran *BH* melalui Unit Pendidikan yang turut merangkumi Klinik Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) *BH Didik* dan Seminar

Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) *BH* Skor. Pihak sekolah dan korporat yang berminat untuk menyertai atau bekerjasama menganjurkan seminar itu boleh menghubungi Unit Pendidikan *BH* melalui talian telefon 03-2056978/769.



Penekanan turut diberikan kepada kepentingan mengelakkan kسلطان yang boleh menjejaskan markah

Nursyarah Humaira Shahrudin, Pelajar Sekolah Menengah Agama Sains Kuala Pilah



Zurita menyampaikan cenderamata kepada Mohd Isam.



Peserta memberikan perhatian kepada penerangan penceramah.